

VITBION FORTE TABLET

Thiamine HCl / Pyridoxine HCl / Cyanocobalamin (100 mg / 200 mg / 200 mcg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VITBION FORTE TABLET
2. Bagaimana VITBION FORTE TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan VITBION FORTE TABLET
4. Cara menggunakan VITBION FORTE TABLET
5. Semasa menggunakan VITBION FORTE TABLET
6. Kesan-sesalan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VITBION FORTE TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan VITBION FORTE TABLET

Digunakan sebagai suplemen dalam rawatan keradangan melibatkan saraf, iritasi atau kerosakan saraf, penyakit kencing manis dan ubat – ubatan menyebabkan kerosakan saraf.

Bagaimana VITBION FORTE TABLET berfungsi

- Thiamine adalah penting berkaitan dengan metabolisme karbohidrat.
- Pyridoxine adalah koenzim untuk pelbagai fungsi metabolismik yang mengakibatkan penggunaan protein, karbohidrat dan lemak.
- Cyanocobalamin digunakan dalam rawatan anemia, dan komplikasi saraf dan juga berkaitan dengan kekurangan nutrisi.

Sebelum menggunakan VITBION FORTE TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil VITBION FORTE TABLET.

- Sebelum mula menggunakan VITBION FORTE TABLET

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitiviti kepada bahan kandungan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari

farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan VITBION FORTE TABLET

- Berapa banyak harus digunakan
Untuk kegunaan terapeutik: 1 tablet 3 kali sehari.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan VITBION FORTE TABLET untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebihan jarang sekali berlaku. Vitamin B berlebihan akan disingkirkan di dalam air kencing.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan VITBION FORTE TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan VITBION FORTE TABLET.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri VITBION FORTE TABLET kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom-simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Kesan-sesalan sampingan

Kumpulan Vitamin B adalah vitamin larut air dan tidak menyebabkan apa-apa kesan sampingan apabila diambil mengikut dos yang disyorkan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan VITBION FORTE TABLET

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak Lindungi daripada cahaya Simpan di tempat kering di bawah 30°C Pastikan bekas ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna oren berbentuk bulat, dwi cembung dan bersalut lapisan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Thiamine HCl, Pyridoxine HCl, Cyanocobalamin

- Bahan-bahan tidak aktif
Colorcon Orange, Magnesium Stearate, Starch, Lactose, PVP K90, Aerosil & Chloroform Spirit

- Nombor MAL
MAL19920011XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/05/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)170518/00156